



Tune Protect Travel Insurance by AirAsia Pelan Dua Hala Antarabangsa (WPUA)

Pelan insurans ini ditawarkan kepada individu yang membeli tiket penerbangan Antarabangsa Dua Hala (yang akan dirujuk sebagai "Orang yang Diinsuranskan") daripada AirAsia Berhad (284669-W) yang dioperasikan oleh AirAsia X Sdn. Bhd. (734161-X) (yang akan dirujuk sebagai "AirAsia X").

RINGKASAN MANFAAT

Perlindungan ini tidak termasuk untuk bayi dan adalah seperti berikut:-

	Manfaat	Jumlah yang Diinsuranskan
1. Manfaat Kemalangan Peribadi		
	Kemalangan Peribadi - Kematian atau kecacatan akibat kemalangan	Sehingga RM200,000.00
2. Manfaat Ketidakselesaian Perjalanan		
2(a)	Pembatalan Penerbangan - Bayaran balik untuk kos penerbangan jika Orang Yang Diinsuranskan membatalkan perjalanan bagi sebab-sebab yang dilindungi	Sehingga RM5,000.00
2(b)	Memendekkan Tempoh Perjalanan - Bayaran balik untuk tiket penerbangan pulang ke Malaysia jika Orang Yang Diinsuranskan perlu pulang lebih awal dari tarikh tiket pulang yang telah dibeli bagi sebab-sebab yang dilindungi	Sehingga RM5,000.00
2(c)	Bagasi dan Barangan Peribadi - Melindungi kehilangan atau kerosakan bagasi, pakaian dan barang kegunaan peribadi Orang yang Diinsuranskan	Sehingga RM5,000.00 (Maksimum RM500.00 untuk setiap satu barang) (Akses sebanyak RM50 untuk setiap tuntutan)
2(c)i	Penangguhan Bagasi - Untuk setiap 6 jam penangguhan berturut turut yang bermula daripada waktu ketibaan yang telah dijadualkan sehingga waktu menerima bagasi	Sehingga RM800.00 (RM200.00 untuk setiap enam jam penangguhan berturut turut)
2(d)	Penangguhan Penerbangan AirAsia - Bayaran dengan kadar rata untuk setiap 6 jam penangguhan berturut turut dari penerbangan asal yang telah dijadualkan	Sehingga RM1,050.00 (RM150.00 setiap enam jam penangguhan berturut turut)
2(e)	Penangguhan Pengangkutan Awam - Bayaran penuh untuk setiap kelewatan 6 jam berturut turut yang dikira dari masa asal bertolak untuk perjalanan yang dijadualkan oleh pengangkutan awam	Sehingga RM1,050.00 (RM150.00 untuk setiap 6 jam penangguhan berturut turut)
2(f)	Ketinggalan Penerbangan Sambungan - Dengan syarat tiada penerbangan sambungan yang boleh didapati dalam masa 6 jam dari jadual pelepasan penerbangan yang terlepas akibat daripada penangguhan penerbangan sambungan AirAsia.	Sehingga RM 600.00 (RM300.00 setiap enam jam penangguhan berturut turut)
2(g)	Kehilangan Wang Peribadi	Sehingga RM1,000.00
2(h)	Kos perbelanjaan akibat Kehilangan Dokumen Perjalanan	Sehingga RM1,000.00
2(i)	Jaminan Ketepatan Masa - Penangguhan penerbangan melebihi dua (2) jam	Sehingga RM200.00

Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com



	penangguhan berturut turut dari waktu asal yang dijadualkan yang berpunca daripada AirAsia sahaja.	
3. Manfaat Perubatan dan Permindahan		
3.(a)	Bayaran Balik Kos Perubatan Akibat Kemalangan dan Penyakit - Bayaran balik kos perubatan yang dicaj akibat daripada kemalangan dan penyakit yang berlaku semasa perjalanan.	Sehingga RM175,000.00 (Akses sebanyak RM50.00 untuk setiap tuntutan)
3.(b)	Pemindahan Rawatan Kecemasan dan Penghantaran Balik Mayat - Bayaran balik bagi kos perbelanjaan akibat kematian, penyakit atau kecederaan yang tidak disengajakan	Sehingga RM300,000.00
3.(c)	Lawatan Ehsan	Sehingga RM5,000.00
4. Liabiliti Peribadi		Sehingga RM500,000.00
5. 24- jam Perkhidmatan Bantuan Perjalanan Seluruh Dunia		Termasuk

Had-had lain bagi Pelan Dua Hala:-

- (i) Perlindungan dibawah adalah untuk perjalanan dalam lingkungan negara ketibaan sahaja. Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengembara melepasi garisan negara tersebut, perlindungan tidak akan diberikan untuk had geografi melepasi negara itu.
- (ii) Jika Orang yang Diinsuranskan berlepas dengan mana-mana penerbangan terjadual, untuk perjalanan diluar Negara Ketibaan, perlindungan insurans ini akan digantung bermula apabila Orang yang Diinsuranskan mendaftar masuk untuk penerbangan keluar tersebut. Perlindungan akan disambung semula apabila Orang yang Diinsuranskan mendaftar keluar di bahagian Imigresen apabila pulang ke Negara Ketibaan Asal, bergantung kepada Tempoh Perlindungan, i.e dengan syarat tempoh tersebut masih didalam masa tiga puluh (30) hari daripada tarikh berlepas pertama Penerbangan Terjadual Orang yang Diinsuranskan.
- (iii) Jika Orang yang Diinsuranskan berlepas menggunakan apa sahaja jenis pengangkutan selain daripada penerbangan terjadual, untuk perjalanan keluar daripada Negara Ketibaan, perlindungan insurans ini akan digantung apabila Orang yang Diinsuranskan mendaftar keluar daripada bahagian Imigresen Negara Ketibaan. Perlindungan akan disambung semula apabila Orang yang Diinsuranskan mendaftar keluar di bahagian Imigresen apabila pulang ke Negara Ketibaan Asal, bergantung kepada Tempoh Perlindungan, i.e dengan syarat tempoh tersebut masih didalam masa tiga puluh (30) hari daripada tarikh berlepas pertama Penerbangan Terjadual Orang yang Diinsuranskan.
- (iv) Manfaat Ketidakselesaan Perjalanan dalam Tempoh Perlindungan semasa Perjalanan ini hanya terhad untuk Penerbangan Terjadual, didalam Negara Ketibaan sahaja.
- (v) Tempoh penerbangan mestilah tidak melebihi daripada tiga puluh (30) hari berturut-turut dari tarikh bermulanya penerbangan.

Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com



Tune Protect Travel Insurance by AirAsia - Pelan Dua Hala Antarabangsa (WPUA)

Apabila Orang yang Diinsuranskan telah memohon dan membayar premium untuk dilindungi oleh insurans ini dan memiliki salinan polisi Tune Protect Travel Insurance by AirAsia - Pelan Dua Hala Antarabangsa, Tune Insurance Malaysia Berhad (yang akan dirujuk sebagai "Syarikat" selepas ini) bersetuju untuk melindungi individu (yang akan dirujuk sebagai "Orang yang Diinsuranskan" selepas ini) yang telah membeli tiket penerbangan antarabangsa Dua Hala daripada AirAsia Berhad yang dioperasikan oleh AirAsia X Sdn. Bhd. (yang akan dirujuk sebagai "AirAsia X" selepas ini) terhadap sebarang kerugian seperti yang telah diinsuranskan di dalam Polisi Induk (yang akan dirujuk sebagai "Polisi"), tertakluk kepada pengecualian, pembatasan dan syarat yang terkandung di dalam Polisi.

Definisi

Kemalangan	Bermaksud kejadian yang berlaku di luar kawalan dan berpunca daripada unsur-unsur luaran yang jelas dan ganas dan menyebabkan kecederaan fizikal
Tiket Penerbangan (juga dikenali sebagai tempat duduk yang dibeli dari sistem e-tiket AirAsia X)	Bermaksud mana-mana tiket penerbangan yang dijadualkan untuk ke satu-satu destinasi pilihan Orang yang Diinsuranskan yang dikeluarkan oleh AirAsia X. Perjalanan mestilah bermula dari Malaysia. Secara operasinya, surat pengesahan akan dikeluarkan secara elektronik bagi pembelian yang dibuat melalui internet, yang dikenali sebagai "Jadual Perjalanan". Jadual Perjalanan tersebut akan digunakan sebagai Tiket Penerbangan.
Kecederaan Anggota Badan	Bermaksud kecederaan yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan yang hanya berlaku dan kesan secara langsung akibat daripada kemalangan luaran yang ngeri dan boleh dilihat kecuali kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh sebarang penyakit atau masalah kesihatan dan/atau apa-apa jenis penyakit yang disebabkan oleh kecederaan anggota badan dan/atau

	kecederaan yang berlaku secara beransur-ansur terhadap Orang yang Diinsuranskan.
Sijil Insurans	Merujuk kepada pengesahan Tune Protect Travel Insurance by AirAsia – Perjalanan Dua Hala Antarabangsa (WPUA) yang dikeluarkan secara elektronik apabila pembelian dibuat menerusi internet.
Perang Saudara	Bermaksud peperangan bersenjata antara dua atau lebih pihak dari satu negara yang sama dimana pihak-pihak tersebut terdiri daripada kumpulan yang berlainan etnik, agama dan ideologi. Definisi ini turut meliputi penentangan bersenjata, revolusi, hasutan, pemberontakan, rampasan kuasa dan kesan daripada undang-undang ketenteraan.
Pengangkutan Awam	Bermaksud mana-mana pengangkutan darat, air dan udara, kecuali pengangkutan perjalanan udara berlesen, beroperasi di bawah lesen pengangkutan biasa untuk membawa penumpang yang membayar tambang, dan mana-mana pesawat yang mempunyai sayap tetap dan beroperasi di bawah syarikat penerbangan komersial yang mempunyai lesen bagi pengangkutan biasa untuk penumpang yang

Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com

	membayar tambang serta mempunyai jadual jalan laluan penerbangan tetap diantara lapangan terbang berlesen yang dikenali, sama ada diatur atau ditempah oleh Orang yang Diinsuranskan untuk bergerak dari satu-satu tempat dalam tempoh perjalanannya.
Negara Ketibaan	Merujuk kepada negara yang Orang yang Diinsuranskan dijadualkan untuk tiba
Wabak Penyakit	Bermaksud penyakit yang merebak dengan pantas secara tiba-tiba dan memberi kesan dalam masa yang singkat, bilangan manusia yang besar di dalam satu kawasan geografi. Contohnya, SARS/Swine Flu (H1N1)/Bird Flu.
Tarikh Pertama Perlepasan	Merujuk kepada tarikh berlepas seperti yang tertera di Jadual Penerbangan Orang yang Diinsuranskan. Tarikh ini juga akan berkuatkuasa sebagai tarikh permulaan Insurans seperti yang tertera di dalam Sijil Insurans.
Peperangan Asing	Bermaksud peperangan bersenjata sama ada diisytiharkan atau tidak, diantara dua negara.
Hospital	Bermaksud kecuali definisi lain yang diberikan, sebuah Hospital (selain daripada institusi untuk warga emas, pesakit tenat atau pusat pemulihan, pusat penjagaan atau rumah rehat) yang beroperasi di bawah undang-undang untuk menjaga dan merawat orang yang sakit atau cedera dan mempunyai kelengkapan yang teratur untuk diagnosis dan pembedahan dan mempunyai perkhidmatan

	penjagaan 24-jam dan pemerhatian perubatan dan bermaksud juga sebuah tempat dimana:- mempunyai lesen yang sah (seperti yang dirangkan dalam undang-undang) operasi utama adalah untuk menjaga dan merawat orang yang sakit dan cedera mempunyai seorang doktor atau lebih yang bertugas pada setiap masa menyediakan khidmat penjagaan 24 jam dan sekurang-kurangnya seorang jururawat profesional berdaftar yang bertugas pada setiap masa mempunyai sistem diagnosis dan pembedahan yang teratur sama ada di dalam tempat yang sama atau di tempat lain yang telah disediakan lebih awal.
Ahli Keluarga Terdekat	Ahli keluarga terdekat Orang yang Diinsuranskan adalah :- (i) suami/isteri sah (ii) anak angkat dan/atau anak kandung yang sah (iii) menantu (iv) adik-beradik (v) adik-beradik ipar (vi) ibu bapa (vii) mertua (viii) datuk nenek (ix) cucu cicit (x) penjaga yang sah (xi) ward (xii) anak di bawah jagaan yang sah (xiii) anak tiri atau anak angkat (xiv) ibu bapa tiri (xv) ibu saudara (xvi) bapa saudara (xvii) anak saudara lelaki/perempuan yang menetap di negara yang sama dengan Orang yang Diinsuranskan.



Tetamu yang Diinsuranskan AirAsia X	Merujuk kepada tetamu yang diinsuranskan di bawah Sijil Insurans Tune Protect Travel Insurance by AirAsia – Perjalanan Dua Hala Antarabangsa (WPUA) selepas Polisi Induk dihantar secara on-line oleh pihak AirAsia X, yang telah sekaligus membeli perlindungan ini apabila membeli tiket penerbangan tersebut.
Orang yang Diinsuranskan	Merujuk kepada pelanggan AirAsia X yang membeli tiket penerbangan yang telah dijadualkan dan Sijil Insurans Tune Protect Travel Insurance by AirAsia – Perjalanan Dua Hala Antarabangsa (WPUA) telah dikeluarkan di atas namanya.
“Penerbangan Semasa”	Merujuk kepada penerbangan AirAsia yang telah diambil oleh Orang yang Diinsuranskan dari titik pertama berlepas dan telah membeli Polisi Perjalanan Perlindungan AirAsia
“Penerbangan Selepas”	Merujuk kepada Jadual Penerbangan dari syarikat penerbangan berlesen yang telah ditempah oleh Orang yang Diinsuranskan untuk penerbangan yang seterusnya.
Pandemik	Bermaksud penyakit berjangkit yang merebak, yang memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan oleh World Health Organisation (WHO) yang tersebar keseluruh populasi di seluruh kawasan yang besar atau seluruh dunia. i. kemunculan penyakit baru untuk sesuatu populasi ii. Penyakit yang menjangkiti manusia,

	menyebabkan penyakit yang serius ii. Penyakit yang mudah berjangkit dan berlaku di kalangan manusia
Doktor	Merujuk kepada seseorang doktor perubatan atau doktor osteopati yang mempunyai lesen untuk memberikan khidmat perubatan atau membuat pembedahan berlandaskan undang-undang yang berkenaan untuk khidmat tersebut dilakukan, tetapi, definisi ini tidak termasuk ahli terapi dan fisioterapi. Doktor Penasihat tidak boleh memberi nasihat rawatan untuk dirinya sendiri jika dia adalah Orang yang Diinsuranskan, kepada pasangan suami/isterinya, seseorang yang menaiki penerbangan untuk mengiringinya atau ahli keluarga terdekatnya.
Keadaan Sedia Ada	Merujuk kepada apa-apa penyakit atau keadaan kesihatan yang tidak normal yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan dalam masa 90 hari sebelum tarikh pembelian tiket penerbangan :- a. pertama kali muncul, menjadi lebih teruk dan kronik atau menunjukkan simptom-simptom yang jika muncul kepada orang-orang yang biasa, mereka akan pergi merujuk kepada doktor untuk diagnosis dan rawatan; atau b. di bawah rawatan doktor atau rawatan sudah disarankan oleh doktor; atau c. memerlukan pengambilan dadah atau ubat secara preskripsi
Bayaran yang Biasa dan	Bermaksud cas pembayaran yang



Berpatutan	dikenakan untuk perubatan/rawatan hospital, bekalan atau servis perubatan yang diperlukan untuk merawat keadaan Orang yang Diinsuranskan, ia tidak boleh melebihi kos untuk rawatan perubatan yang seumpama dengannya, bekalan dan servis perubatan di tempat kos rawatan dicias; dan tidak termasuk cas-cas yang tidak akan dikenakan jika tiada insurans perlindungan.
Penerbangan yang Dijadualkan	merujuk kepada penerbangan komersial yang telah dijadualkan oleh AirAsia.
Penyakit Serius	Apabila merujuk kepada Orang yang Diinsuranskan atau Ahli Keluarga Terdekat Orang yang Diinsuranskan, ia akan merujuk kepada penyakit yang disahkan sebagai penyakit yang mengancam nyawa dan memerlukan rawatan yang segera oleh doktor dan menyebabkan Orang yang Diinsuranskan atau Ahli Keluarga Terdekat Orang yang Diinsuranskan disahkan oleh doktor sebagai tidak sesuai untuk mengembara atau meneruskan perjalanan seperti yang dijadualkan.
Penyakit	Bermaksud mana-mana perubahan kesihatan fizikal yang ketara oleh Orang yang Diinsuranskan yang memerlukan penjagaan dan rawatan oleh doktor yang bertauliah untuk merawat penyakit tersebut, dan penyakit tersebut tidak dikecualikan di dalam Polisi ini.
Masa	Mana-mana rujukan untuk masa atau tarikh di dalam Polisi atau di dalam konteks tempoh perlindungan adalah

	merujuk kepada waktu di Malaysia.
Perjalanan	Merujuk kepada masa di antara Permulaan Perlindungan dan Tarikh Tamat Perlindungan.

Tempoh Insurans

Masa Permulaan Perlindungan	<p>(1) Kecuali daripada Manfaat Pembatalan Penerbangan, perlindungan bermula daripada masa mendaftar masuk pada Tarikh Berlepas yang pertama untuk Penerbangan yang telah Dijadualkan.</p> <p>(2) Perlindungan untuk Manfaat Pembatalan Penerbangan bermula pada 24 jam dari tarikh pembelian tiket penerbangan untuk Penerbangan yang Dijadualkan pada Tarikh Berlepas yang pertama.</p>
Masa Tamat Perlindungan	<p>(1) Selain daripada Manfaat Pembatalan Penerbangan, perlindungan luput apabila:</p> <p>(a) Orang yang Diinsuranskan meninggalkan lapangan terbang di negara destinasi</p> <p>ATAU</p> <p>(b) 30 hari daripada Tarikh Perlepasan Pertama,</p> <p>ATAU</p> <p>(c) apabila mendaftar masuk di bahagian Imigresen untuk perjalanan diluar dari Negara Ketibaan, selain daripada pulang ke Malaysia</p> <p>mana-mana tarikh yang lebih awal.</p>

Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com

	(2) Perlindungan untuk Manfaat Pembatalan Penerbangan berakhir pada Tarikh Berlepas yang Pertama untuk penerbangan yang seterusnya.
--	---

Manfaat

SEKSYEN 1 – MANFAAT KEMALANGAN PERIBADI

Jika berlaku apa-apa kemalangan semasa Penerbangan, dan jika Orang yang Diinsuranskan mengalami kecederaan fizikal disebabkan oleh kejadian tersebut yang mengakibatkan kematian atau kecacatan kepadanya, Syarikat akan, tertakluk kepada pengecualian, pembatasan dan syarat seperti yang terdapat di dalam Polisi, akan membayar ganti rugi seperti yang terdapat di dalam Jadual Ganti Rugi di bawah:-

Jadual Ganti Rugi		
	Kejadian	Peratusan Jumlah Manfaat
1	Kematian akibat kemalangan	100%
2	Kehilangan penglihatan secara keseluruhan dan tidak boleh dirawat untuk sebelah atau kedua-dua belah mata	100%
3	Kecacatan kekal untuk sebelah atau kedua-dua belah anggota badan	100%
4	Kehilangan penglihatan secara keseluruhan untuk sebelah mata dan kehilangan daya untuk satu anggota badan	100%
5	Kehilangan Upaya Kekal, selain daripada kehilangan daya penglihatan atau anggota	100%

Kehilangan upaya mata dan anggota badan hanya akan dilindungi sekiranya :

- (1) Kematian atau kehilangan upaya berlaku dalam masa seratus lapan puluh hari (180) hari kalendar selepas tarikh kejadian yang menyebabkan kematian atau kehilangan upaya tersebut;

Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com

- (2) Had pembayaran maksima bagi Syarikat untuk dibayar kepada Orang yang Diinsuranskan adalah sebanyak 100% daripada Jumlah yang Diinsuranskan untuk Manfaat Kemalangan Peribadi seperti yang tercatat di Pelan Perlindungan Insurans.

Perlindungan daripada Pendedahan dan Hilang

Jika Orang yang Diinsuranskan, berikutan daripada kemalangan, tidak dapat mengelak daripada terdedah kepada unsur-unsur yang menyebabkan kecederaan anggota badan seperti yang tertera di dalam Jadual Ganti Rugi di atas, untuk satu jangka masa sebelum diselamatkan, kecederaan tersebut akan di anggap sebagai kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan itu.

Jika Orang yang Diinsuranskan tidak dijumpai dalam masa setahun dari tarikh berlakunya penenggelaman atau terhempasnya kapal terbang yang dijadualkan dan dinaiki oleh Orang yang Diinsuranskan, beliau akan dianggap sebagai sudah meninggal dunia untuk tujuan manfaat perlindungan insurans yang diberikan.

SEKSYEN 2 – MANFAAT KETIDAKSELESAAN PERJALANAN

Selain daripada Manfaat yang diberikan seperti yang disebutkan di atas, Orang yang Diinsuranskan akan juga dilindungi di bawah Perlindungan Insurans Ketidakelelahan Perjalanan Udara bagi kejadian-kejadian seperti di bawah:-

Seksyen 2 (a) – Pembatalan Penerbangan

Syarikat akan membayar balik Orang yang Diinsuranskan sehingga had maksima seperti yang tercatat di dalam Ringkasan Jadual Manfaat di bahagian Manfaat Pembatalan Penerbangan untuk mana-mana bahagian tiket yang tidak digunakan atau yang tidak boleh dipulangkan jika pada masa berlepas yang dijadualkan, Orang yang Diinsuranskan tidak dapat menaiki Penerbangan yang Dijadualkan pada Tarikh Berlepas Pertama yang Dijadualkan akibat daripada mana-mana kejadian seperti yang disebut di bawah:-

- (a) Kejadian yang berkaitan dengan Ahli

Keluarga Terdekat Orang yang Diinsuranskan yang mengalami:-

- (i) kematian; atau
 - (ii) dimasukkan ke hospital, yang memerlukan kehadiran Orang yang Diinsuranskan, dan tidak dijangka pada waktu pembelian tiket penerbangan
- (b) Kejadian yang berkaitan dengan:-
- (i) Orang yang Diinsuranskan perlu dimasukkan ke hospital kerana Penyakit yang serius atau kecederaan anggota badan yang serius yang tidak dijangkakan berlaku pada waktu pembelian tiket penerbangan
 - (ii) kerosakan serius yang dialami oleh kenderaan Orang yang Diinsuranskan dalam masa 48 jam sebelum Tarikh Perlepasan Pertama;
 - (iii) Kerosakan serius yang dialami oleh kediaman Orang yang Diinsuranskan yang disebabkan oleh kebakaran, banjir atau bencana alam yang seakan dengannya seperti puting beliung, gempa bumi, taufan dan lain-lain yang memerlukan kehadiran Orang yang Diinsuranskan di premis pada Tarikh Perlepasan Pertama;
 - (iv) Orang yang Diinsuranskan telah diculik, ditahan, dikuarantinkan atau d isepina untuk menghadiri perbicaraan sivil.

Seksyen 2 (b) – Memendekkan Tempoh Perjalanan

Syarikat akan membayar balik kepada Orang yang Diinsuranskan sehingga had maksima seperti yang tertera di Ringkasan Jadual Manfaat dalam bahagian Memendekkan Tempoh Perjalanan untuk mana-mana bahagian tiket yang tidak digunakan atau yang tidak boleh dipulang semula jika Orang yang Diinsuranskan perlu memendekkan tempoh perjalanan dan pulang terus ke Malaysia kerana sebab-sebab yang berikut:-

- (a) Orang yang Diinsuranskan perlu dimasukkan ke hospital kerana Penyakit Serius atau kecederaan anggota badan yang serius akibat kemalangan;

- (b) Pemindahan Kecemasan untuk Perubatan akibat Kemalangan perlu dilakukan ke atas Orang yang Diinsuranskan oleh Asia Assistance.
- (c) Ahli Keluarga Terdekat Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia
- (d) Ahli Keluarga Terdekat Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital dan kehadiran Orang yang Diinsuranskan adalah perlu.

Perlindungan di bawah seksyen ini hanya efektif jika Orang yang Diinsuranskan tidak mengetahui tentang kejadian yang akan berlaku dan menyebabkan beliau terpaksa memendekkan tempoh perjalanannya.

Pengecualian Khas untuk Seksyen 2 (a) – Pembatalan Penerbangan dan Seksyen 2 (b) – Memendekkan Tempoh Penerbangan

Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk setiap kerugian yang disebabkan (secara langsung atau tidak) oleh:-

- (i) perlakuan jenayah oleh Orang yang Diinsuranskan
- (ii) peperangan, rusuhan, tunjuk perasaan dan gerakan pengganas
- (iii) apa-apa keadaan kesihatan yang sedia ada
- (iv) apa-apa kesan daripada punca radioaktif
- (v) pencemaran alam
- (vi) wabak penyakit
- (vii) Pandemic
- (viii) bencana alam
- (ix) kejadian iklim seperti pencairan salji dan lain-lain
- (x) mana-mana kerugian yang jumlah ganti rugi telah di bayar oleh AirAsia X

Seksyen 2 (c) – Bagasi dan Barangan Peribadi yang dibawa bersama

Syarikat akan membayar balik Orang yang Diinsuranskan sehingga limit maksima seperti yang tercatat di dalam Ringkasan Jadual Manfaat di bahagian Bagasi dan Barangan Peribadi, tertakluk kepada akses sebanyak RM50.00 sahaja untuk setiap tuntutan dan had sebanyak RM500.00 untuk setiap satu barang, untuk seorang Orang yang Diinsuranskan bagi satu Penerbangan yang Dijadualkan yang disebabkan oleh:-

- (a) kecurian atau kerosakan yang berpunca daripada kecurian atau

- (b) percubaan mencuri ;
kerugian atau kerosakan kepada bagasi dan barangan peribadi Orang yang Diinsuranskan termasuk apa-apa jenis bagasi, beg tangan dan kandungannya, sama ada didaftar masuk atau dibawa dengan tangan, yang disebabkan oleh AirAsia Berhad

Hanya jika sekiranya barangan ini mesti dibawa bersama oleh Orang yang Diinsuranskan ketika perjalanan untuk Penerbangan yang Dijadualkan.

Cara pelunasan ganti rugi oleh Syarikat adalah bergantung sepenuhnya kepada pihak Syarikat, dan nilai tunai barangan tersebut sama ada berkurangan atau sama dengan:-

- (i) harga nilai asal barangan setelah ditolak susut nilai; atau
 - (ii) kos menggantikan barangan tersebut dengan barang yang seakan-akan buatan dan modelnya; atau
 - (iii) kos pembaikan barangan tersebut.
- Yang telah termaktub dalam kandungan budi bicara syarikat

Bagi mana-mana barang yang mempunyai pasangan atau set, Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih dari nilai bahagian yang rosak atau hilang, tanpa merujuk kepada mana-mana nilai yang tertentu untuk barangan yang berpasangan/set tersebut. Syarikat berhak untuk memilih sama ada membaiki atau menggantikan mana-mana bahagian, untuk mengembalikan nilai pasangan/set kepada nilai sebelum berlakunya kerosakan atau kehilangan, ataupun membayar perbezaan nilai tunai bagi kerosakan atau kehilangan untuk bagasi dan barangan peribadi yang dilindungi sebelum kejadian yang mengakibatkan kerugian/kehilangan tersebut.

Kesemua barangan kemas, barang-barang yang mengandungi sebahagian atau secara keseluruhannya adalah perak, emas atau platinum, dan objek2 yang diperbuat daripada bahan-bahan yang bernilai, batu berharga, mutiara, jam tangan, bahan yang diperbuat sebahagian atau sepenuhnya daripada bulu, barangan fotografi mudah alih, barangan wayang gambar, komputer, alatan telefon, alatan untuk merekod bunyi dan gambar dan aksesori, hanya dilindungi daripada kecurian jika barangan tersebut dibawa secara

fizikal dan dengan sendiri oleh Orang yang Diinsuranskan untuk menaiki Penerbangan yang Dijadualkan.

Pengecualian khas untuk Seksyen 2 (c) – Bagasi dan Barangan Peribadi

- (a) Polisi ini tidak melindungi :-
 1. haiwan
 2. kenderaan dan alatan kenderaan, treler dan karavan, bot dan lain-lain jenis alat pengangkutan
 3. kontraban dan barangan haram
 4. dokumen, surat pengenalan diri, kad bayaran atau kredit, tiket pengangkutan, wang tunai, saham dan cagaran
 5. alatan untuk kegunaan profesional
 6. kaca mata, kanta sentuh, alat bantuan pendengaran, anggota badan palsu, gigi palsu atau pendakap gigi
 7. kelengkapan dandanan diri, peralatan kosmetik
 8. aksesori termasuk aksesori fesyen
 9. filem, tape, kaset, disc atau cartridges, pen-drive, kad memori dan sebagainya
 10. telephone tangan, pagers, peralatan komputer mudah alih termasuk aksesori dan alatan bantuan peribadi
 11. kunci
 12. alatan muzik, barangan lukisan, antik, barangan yang dikumpul, perabot
 13. barangan yang mudah rosak
 14. alatan meluncur, basikal, papan layar, peralatan golf, raket tenis dan lain-lain peralatan sukan kecuali jika ianya didaftar masuk sebagai bagasi berdaftar
- (b) Syarikat tidak akan bertanggungjawab jika kerosakan atau kerugian yang disebabkan oleh:-
 1. pecah atau retak bagi barangan mudah pecah, kamera, alatan muzik, radio dan apa-apa barang yang seumpama dengannya
 2. rampasan atau tahanan yang di arahkan oleh mana-mana pihak berkuasa am atau kerajaan
 3. tindakan jenayah

4. kerosakan secara berperingkat atau haus dan lusuh
5. kerosakan berpunca daripada serangga dan kutu
6. kerosakan yang berlaku secara semula jadi
7. kehilangan misteri
8. pengangkutan kontraban atau perdagangan haram
9. rampasan sama ada untuk dimusnahkan di bawah kuarantin atau peraturan kastam atau tidak

(c) Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk mana-mana kehilangan atau kerosakan harta benda yang pada waktu kejadian yang mengakibatkan kerosakan atau kehilangan, telah diinsuranskan oleh mana-mana insurans daripada syarikat insurans yang lain, atau telah diganti semula oleh AirAsia X.

Seksyen 2 (c) i – Penangguhan Bagasi

Syarikat akan membayar RM200.00 untuk setiap enam (6) jam bagi bagasi yang didaftar masuk tersebut lewat tiba, tersalah destinasi atau tersalah letak oleh AirAsia X dari waktu ketibaan Orang yang Diinsuranskan sehingga waktu menerima bagasi. Jumlah had maksima adalah seperti yang telah tercatat di dalam Jadual Manfaat.

Pengecualian Khas untuk Seksyen 2 (c)i – Penangguhan Bagasi

Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh:-

- (a) Penangguhan Bagasi tidak dilaporkan kepada AirAsia serta merta.
- (b) rampasan atau tahanan yang diarahkan oleh pihak berkuasa kastam, imigrasi dan/atau pihak awam
- (c) kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk mendapatkan surat pengesahan daripada AirAsia X ataupun agen yang mengendalikan tiket penerbangannya untuk jangka masa dan waktu bagasi diterima.

Polisi ini tidak akan membayar tuntutan Seksyen 2 (c) – Bagasi dan Barangan Peribadi dan Seksyen 2 (c) i – Penangguhan Bagasi pada masa yang sama diatas satu

Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com

jadual penerbangan dengan pengecualian bagasi dijumpai rosak atau barangan peribadi ketika bagasi dijumpai

Seksyen 2 (d) – Penangguhan Penerbangan

Jika berlakunya Penangguhan Penerbangan kepada pesawat yang dinaiki oleh Orang yang Diinsuranskan untuk sekurang-kurangnya 6 jam dan berturut-turut dari waktu asal yang telah dijadualkan di dalam Jadual Penerbangan yang diberikan kepada Orang yang Diinsuranskan, dan penangguhan ini adalah disebabkan oleh cuaca yang teruk, kerosakan peralatan atau tunjuk perasaan dan rampasan kenderaan (selain daripada rampasan pesawat) atau lain-lain tindakan industri yang dicitus oleh pekerja AirAsia X, Syarikat akan membayar ganti rugi kepada Orang yang Diinsuranskan sebanyak RM150.00 sahaja untuk penangguhan 6 jam yang pertama dan RM150.00 untuk 6 jam seterusnya, sehingga had maksima seperti yang tercatat di dalam Jadual Manfaat yang dikeip bersama Sijil Insurans ini.

Tempoh penangguhan akan dikira bermula pada waktu asal perjalanan yang dijadualkan seperti yang tercatat di dalam Jadual Penerbangan sehingga bermulanya penerbangan alternatif pertama yang ditawarkan oleh AirAsia X. Surat pengesahan untuk jangka masa dan sebab penangguhan daripada AirAsia X ataupun agen yang menguruskan tiket penerbangan mencukupi sebagai bukti untuk tuntutan manfaat ini.

Pengecualian Khas untuk Seksyen 2 (d) – Penangguhan Penerbangan AirAsia

Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh:-

- (a) kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk mendaftar masuk mengikut jadual yang diberikan kepadanya
- (b) kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk mendapatkan surat pengesahan daripada AirAsia X ataupun agen yang mengendalikan tiket penerbangannya untuk jangka masa dan sebab penangguhan
- (c) rusuhan atau tindakan industri oleh syarikat/pengangkutan awam yang melibatkan selain daripada AirAsia X dan telah wujud pada tarikh penerbangan dijadualkan

- (d) Orang yang Diinsuranskan tiba lewat di lapangan terbang (kecuali untuk ketibaan lewat yang disebabkan oleh rusuhan dan tindakan industri)
- (e) Terjadi akibat daripada pembatalan atau penjadualan semula Penerbangan Terjadual melainkan jika disebabkan oleh bencana alam atau kerosakan peralatan.
- (f) penjadualan semula atau kelewatan yang anda telah diberitahu 24 jam sebelum waktu berlepas yang pertama yang tertera di dalam jadual perjalanan
- (g) Insurans yang dibeli dalam jangka masa 4 jam daripada Jadual Penerbangan yang tertera dalam Tiket Penerbangan.

Seksyen 2 (e) – Penangguhan Pengangkutan Awam

Jika berlakunya kejadian di mana Pengangkutan Awam yang akan dinaiki oleh Orang yang Diinsuranskan mengalami penangguhan untuk sekurang-kurangnya enam (6) jam berturut-turut dari waktu perjalanan yang telah dijadualkan di dalam jadual yang diberikan kepada Orang yang Diinsuranskan, dan penangguhan ini adalah disebabkan oleh cuaca yang buruk, kerosakan peralatan, tunjuk perasaan atau rampasan kenderaan (selain daripada rampasan kapal terbang) atau selain daripada tindakan industri oleh mana-mana pekerja Pengangkutan Awam, Syarikat akan membayar Orang yang Diinsuranskan sebanyak RM 150.00 bagi setiap kelewatan selama enam (6) jam berturut-turut dan diikuti dengan RM150.00 untuk 6 jam yang berturut-turut berikutnya, sehingga had maksima seperti yang dinyatakan di dalam Ringkasan Jadual Manfaat yang telah diisu dan disertakan bersama Sijil Insurans ini.

Tempoh penangguhan akan dikira bermula dari waktu asal perjalanan yang dijadualkan untuk Pengangkutan Awam tersebut sehingga bermulanya perjalanan Pengangkutan Awam alternatif pertama yang ditawarkan oleh bahagian Pengurusan Pengangkutan Awam tersebut. Surat pengesahan untuk jangka masa dan sebab penangguhan daripada bahagian Pengurusan Pengangkutan Awam yang berkaitan ataupun agen yang menguruskan tiket penerbangan mencukupi sebagai bukti untuk tuntutan manfaat ini.

Pengecualian Khas untuk Seksyen 2 (e) – Penangguhan Pengangkutan Awam

Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com

Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk kerugian yang disebabkan oleh:-

- (a) kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk mendaftar masuk mengikut jadual yang diberikan kepadanya
- (b) kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk mendapatkan surat pengesahan daripada bahagian Pengurusan Pengangkutan Awam yang berkaitan ataupun agen yang mengendalikan tiket penerbangannya untuk jangka masa dan sebab penangguhan
- (c) rusuhan atau tindakan industri oleh syarikat/pengangkutan awam yang melibatkan selain daripada AirAsia X dan telah wujud pada tarikh perjalanan dijadualkan
- (d) Orang yang Diinsuranskan tiba lewat di lapangan terbang (kecuali untuk ketibaan lewat yang disebabkan oleh rusuhan dan tindakan industri)
- (e) Terjadi akibat pembatalan atau penjadualan semula Penerbangan Terjadual melainkan jika disebabkan oleh bencana alam atau kerosakan peralatan.

Seksyen 2 (f) - Terlepas Penerbangan Sambungan AirAsia

Jika berlakunya kejadian terlepas penerbangan yang telah dijadualkan di titik pertukaran pesawat yang disebabkan oleh kelewatan Penerbangan Terjadual yang dilindungi dan tiada Penerbangan Terjadual yang lain untuk dinaiki oleh Orang yang Diinsuranskan dalam masa sekurang-kurangnya 6 jam berikutnya dari waktu Penerbangan Sambungan Terjadual yang terlepas, Syarikat akan membayar Orang yang Diinsuranskan sebanyak RM300.00 untuk setiap 6 jam berturut-turut penangguhan sehingga had maksima seperti yang tercatat di dalam Ringkasan Jadual Manfaat untuk Terlepas Penerbangan Sambungan.

Syarikat akan membayar kepada Orang yang Diinsuranskan sekiranya penangguhan penerbangan sambungan AirAsia adalah disebabkan;-

- (a) Cuaca buruk di tempat berlepas atau tempat ketibaan
- (b) Berlaku kemalangan kepada penerbangan sambungan
- (c) Terdapat masalah teknikal kepada penerbangan sambungan

Pengecualian Khas untuk Seksyen 2 (f) –
Terlepas Penerbangan Sambungan

Syarikat tidak akan bayar untuk kerugian yang disebabkan oleh:-

- (a) Sebarang tindakan haram atau melanggar undang-undang yang dilakukan oleh Orang yang Diinsuranskan
- (b) Pelanggaran undang-undang kerajaan atau kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan tuntutan dibawah polisi berikutan amaran mogok, rusuhan atau tunjuk perasaan melalui atau menggunakan media massa
- (c) kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk mendaftar masuk mengikut jadual yang diberikan
- (d) Rusuhan atau tindakan industri telah ada pada tarikh penerbangan dijadualkan
- (e) Bantahan atau larangan daripada pihak kerajaan atau Imigresen
- (f) Orang yang Diinsuranskan tidak sesuai untuk menaiki pesawat berdasarkan surat akuan doktor
- (g) pembatalan secara sukarela bagi Penerbangan yang Dijadualkan oleh Orang yang Diinsuranskan
- (h) Penerbangan sambungan seterusnya berlepas kurang daripada 3 jam daripada Penerbangan Semasa AirAsia
- (i) Penerbangan sambungan seterusnya tidak berada dalam Lapangan Terbang yang sama ketika ketibaan penerbangan semasa AirAsia.
- (j) Bencana alam seperti gempa bumi, letusan gunung berapi dan kesan-kesannya.
- (k) Insurans yang dibeli dalam jangka masa 4 jam daripada Jadual Penerbangan yang tertera dalam Tiket Penerbangan.

Hanya jika:-

Polisi ini hanya akan membayar tuntutan bagi salah satu, sama ada Seksyen 2 (d) – Penangguhan Penerbangan AirAsia, Seksyen 2 (e) – Penangguhan Pengangkutan Awam ataupun Seksyen 2 (f) - Terlepas Penerbangan Sambungan AirAsia, dan bukan kesemuanya sekali.

Seksyen 2 (g) – Kehilangan Wang Peribadi

Syarikat akan membayar balik Orang yang Diinsuranskan sehingga had maksima seperti yang tertera di dalam bahagian Kehilangan Wang Peribadi di Ringkasan Jadual Manfaat jika betul-betul berlakunya kehilangan wang tunai, matawang atau nota bank, cek pengembara, kiriman wang pos semasa Perjalanan, dengan syarat:-

- (a) barangan yang hilang adalah di dalam kawalan dan penjagaan Orang yang Diinsuranskan di sepanjang masa; dan
- (b) barangan tersebut tidak ditinggalkan tanpa pengawasan; dan
- (c) kehilangan tersebut mestilah dilaporkan kepada pihak polis yang mempunyai kuasa di tempat kejadian secepat mungkin, tetapi tidak lebih daripada 24 jam selepas kejadian kecurian itu berlaku. Dokumen bertulis daripada Polis perlulah dikepilkkan bersama untuk setiap tuntutan.

Pengecualian Khas untuk Seksyen 2 (g) –
Kehilangan Wang Peribadi

Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk kehilangan mana-mana wang tunai, matawang atau nota bank, cek pengembara dan kiriman wang pos yang disimpan di dalam bagasi dan di daftarkan masuk untuk penghantaran oleh Pengangkutan Awam.

Seksyen 2 (h) - Kehilangan Dokumen Perjalanan

Jika berlakunya kejadian di mana dokumen perjalanan seperti pasport, tiket perjalanan dan mana-mana dokumen perjalanan yang berkaitan milik Orang yang Diinsuranskan hilang akibat rompakan, pecah rumah, kecurian atau bencana alam semasa berada di dalam Perjalanan, Syarikat akan membayar balik Orang yang Diinsuranskan sehingga had maksima seperti yang tercatat di dalam Ringkasan Jadual Manfaat di bahagian Kehilangan Dokumen Perjalanan untuk kos sebenar bagi menggantikan pasport, tiket perjalanan dan dokumen perjalanan lain yang berkaitan yang hilang. Kos tambahan bagi perjalanan, komunikasi dan penginapan hotel yang perlu bagi menggantikan dokumen yang hilang juga akan dibayar semula.

Dengan syarat :-

- (a) Orang yang Diinsuranskan telah mengambil langkah-langkah keselamatan yang perlu dan mengawasi barangan beliau; dan



- (b) kehilangan mana-mana passport mestilah dilaporkan kepada polis yang berkuasa di kawasan terbabit dalam masa 24-jam dari waktu kehilangan disedari.

Seksyen 2 (i) – Jaminan Ketepatan Masa

Jika berlakunya Penangguhan Penerbangan kepada pesawat yang dinaiki oleh Orang yang Diinsuranskan lebih daripada 2 jam berturut-turut dari waktu asal yang telah dijadualkan di dalam Jadual Penerbangan yang diberikan kepada Orang yang Diinsuranskan, dan penangguhan ini adalah disebabkan oleh AirAsia X, Syarikat akan membayar ganti rugi kepada Orang yang Diinsuranskan sebanyak RM200.00.

Masa perjalanan bermaksud :

- i. waktu yang telah dicatat di dalam jadual Orang yang Diinsuranskan
- ii. waktu berlepas yang baru di mana AirAsia X telah memaklumkan Orang yang Diinsuranskan tidak lebih daripada 24 jam dari waktu asal jadual penerbangan

Pengecualian Khas untuk Seksyen 2 (i) – Jaminan Ketepatan Masa

Syarikat tidak akan bayar untuk kerugian yang disebabkan oleh:-

- (a) Sebarang tindakan haram atau melanggar undang-undang yang dilakukan oleh Orang yang Diinsuranskan
- (b) Pelanggaran undang-undang kerajaan atau kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan tuntutan dibawah polisi berikutan amaran mogok, rusuhan atau tunjuk perasaan melalui atau menggunakan media massa
- (c) kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk mendaftar masuk mengikut jadual yang diberikan
- (d) Rusuhan atau tindakan industri telah ada pada tarikh penerbangan dijadualkan
- (e) Bantahan atau larangan daripada pihak kerajaan atau Imigresen
- (f) Orang yang Diinsuranskan tidak sesuai untuk menaiki pesawat berdasarkan surat alukan doktor
- (g) Penangguhan penerbangan disebabkan oleh keadaan yang tidak dapat dikawal oleh AirAsia seperti cuaca buruk, kawalan trafik udara, penutupan lapangan terbang,

rusuhan dan bencana alam

- (h) penjadualan semula atau kelewatan yang anda telah diberitahu 24 jam sebelum waktu berlepas yang pertama yang tertera di dalam jadual perjalanan
- (i) Insurans yang dibeli dalam jangka masa 4 jam daripada Jadual Penerbangan yang tertera dalam Tiket Penerbangan.

SEKSYEN 3 – PERBELANJAAN PERUBATAN DAN PEMINDAHAN

Seksyen 3 (a) – Bayaran Balik Kos Perubatan Akibat Kemalangan

Syarikat akan membayar balik Orang yang Diinsuranskan sehingga had maksima seperti yang tercatat di dalam Ringkasan Jadual Manfaat di bahagian Bayaran Balik Kos Perubatan Akibat Kemalangan, tertakluk kepada akses sebanyak RM50.00 sahaja untuk setiap Perbelanjaan Perubatan yang Biasa dan Berpatutan yang akan dicas untuk merawat kecederaan akibat Kemalangan yang berlaku semasa Perjalanan. Jika Orang yang Diinsuranskan perlu dimasukkan ke hospital, Asia Assistance, mungkin boleh menguruskan, bergantung kepada kes-kes tertentu dan tertakluk kepada persetujuan daripada Syarikat, pembayaran terlebih dahulu untuk rawatan di wad akan diberikan jika:-

- (a) rawatan awal mestilah diterima terlebih dahulu untuk Kemalangan tersebut semasa Perjalanan; dan
- (b) semua kos perbelanjaan mestilah yang dicas dalam masa 30 hari selepas Tarikh Tamat untuk Sijil Tune Protect Travel Insurance by AirAsia – Pelan Dua Hala (WPUA) yang dikeluarkan di atas nama Orang yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini.

Jumlah maksima yang boleh dibayar untuk perbelanjaan Perubatan untuk mana-mana rawatan susulan di Malaysia adalah bersamaan dengan nilai 10% daripada jumlah manfaat Bayaran Balik Perbelanjaan Perubatan akibat Kemalangan yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Jumlah ini adalah sub-had daripada agregat keseluruhan bagi jumlah manfaat yang boleh dibayar yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk Bayaran Balik Kos Perubatan Akibat Kemalangan.

Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com

Perbelanjaan perubatan yang dilindungi adalah perkhidmatan perubatan dan bekalan perubatan yang disyorkan oleh Doktor yang merawat untuk rawatan yang disebabkan oleh kecederaan, dan ianya termasuklah:

- (a) perkhidmatan doktor
- (b) penahanan di hospital dan penggunaan bilik pembedahan
- (c) ubat bius (termasuk kos pengurusan), pemeriksaan atau rawatan sinar-x dan ujian makmal
- (d) dadah, ubat-ubatan dan perkhidmatan dan bekalan terapeutik
- (e) rawatan fisioterapi oleh ahli fisioterapi yang berkelayakan

Seksyen 3 (b) – Pemindahan Rawatan Kecemasan dan Penghantaran Balik Mayat

(i) Pemindahan Kecemasan untuk Perubatan

Jika berlakunya kejadian di mana Orang yang Diinsuranskan perlu dipindahkan untuk rawatan kecemasan yang disebabkan oleh Kemalangan yang berlaku semasa Perjalanan, Asia Assistance akan menguruskan pengangkutan pemindahan kecemasan ke pusat perkhidmatan perubatan yang terdekat yang dilengkapi dengan peralatan perubatan yang mencukupi untuk merawat kecederaan Orang yang Diinsuranskan. Jenis pengangkutan adalah bergantung kepada keadaan kecederaan Orang yang Diinsuranskan dan sama ada pengangkutan tersebut ada atau tidak.

Jika Orang yang Diinsuranskan perlu dihantar pulang, Asia Assistance akan menghantar pulang Orang yang Diinsuranskan ke rumah yang didudukinya di Malaysia. Secara alternatifnya, Asia Assistance akan menguruskan Orang yang Diinsuranskan untuk menyambung Perjalanan yang terganggu jika ianya praktikal untuk dilakukan, bergantung kepada kos penghantaran pulang dan tertakluk kepada had maksima seperti yang tercatat di bahagian Pemindahan Kecemasan untuk Perubatan dan Penghantaran Pulang di dalam Ringkasan Jadual Manfaat.

(ii) Penghantaran Pulang Mayat

Jika berlakunya kejadian di mana Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia akibat Kemalangan semasa dalam Perjalanan, Asia Assistance akan menguruskan Penghantaran

Pulang Mayat ke tempat tinggalnya di Malaysia tertakluk kepada had maksima seperti yang tertera di dalam bahagian Pemindahan Rawatan Kecemasan dan Penghantaran Balik Mayat di dalam Ringkasan Jadual Manfaat. Kos untuk proses pengebumian, pengawetan, keranda dan upacara pengebumian tidak termasuk di dalam perlindungan kecuali ianya telah dimandatkan oleh perundangan dan peraturan.

Polisi ini hanya akan membayar untuk tuntutan di bawah bahagian Seksyen 3 (b) (i) - Pemindahan Kecemasan untuk Perubatan atau Seksyen 3 (b) (ii) – Penghantaran Pulang Mayat, dan bukan untuk kedua-duanya.

Seksyen 3 (c) – Lawatan Ehsan

Jika Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke wad di luar negara untuk lebih daripada 5 hari disebabkan oleh Kemalangan atau Sakit yang dihadapi semasa Perjalanan dan keadaan kesihatan beliau menghalangnya untuk dihantar pulang, Syarikat akan membayar kos yang berpatutan bagi tambang perjalanan (kelas ekonomi bagi pengangkutan udara atau kelas pertama bagi pengangkutan keretapi) dan kos penginapan hotel yang perlu untuk seorang saudara atau rakan untuk melawat dan menemani Orang yang Diinsuranskan, seperti yang disarankan oleh Doktor, sehingga had maksima seperti yang tertera di bahagian Lawatan Ehsan di dalam Ringkasan Jadual Manfaat

Syarat Khas untuk Seksyen 3

Syarikat tidak bertanggungjawab untuk membayar:-

- (1) kos penjagaan untuk perubatan kecuali yang disarankan oleh Doktor berlesen atau yang diuruskan oleh Hospital yang dikenali
- (2) untuk kerugian yang disebabkan secara langsung atau tidak, sebahagian atau keseluruhannya oleh:-
 - (a) peperangan awam atau asing sama ada diisytiharkan atau tidak
 - (b) kesan dadah, perubatan atau rawatan yang tidak diberi preskripsi oleh Doktor

- (c) pengaruh alkohol berdasarkan tahap alkohol dalam darah Orang yang Diinsuranskan bersamaan atau lebih tinggi daripada yang ditetapkan oleh undang-undang penggunaan kereta.
 - (d) membunuh diri, cubaan membunuh diri atau apa-apa kecederaan diri sendiri yang disengajakan
 - (e) Orang yang Diinsuranskan menyertai dalam mana-mana pertandingan yang melibatkan penggunaan kenderaan bermotor darat, air atau udara
 - (f) Orang yang Diinsuranskan menyertai dalam mana-mana sukan profesional
 - (g) Orang yang Diinsuranskan menunggang atau memandu motosikal atau motor skuter dengan sesaran enjin melebihi 125cm³
 - (h) Orang yang Diinsuranskan menaiki penerbangan sama ada sebagai penumpang berbayar ataupun tidak di dalam atau di atas pesawat yang bukan dimiliki oleh syarikat penerbangan ataupun yang tidak didaftarkan atau berlesen sebagai pengangkutan untuk penumpang membayar tambang yang berterusan dan mempunyai jadual laluan yang diterbitkan secara umum;
 - (i) Orang yang Diinsuranskan aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata mana-mana negara
 - (j) Penyertaan atau penglibatan Orang yang Diinsuranskan dalam tindakan jenayah
 - (k) Orang yang Diinsuranskan mengamalkan atau menggunakan sama ada sebagai juruterbang atau penumpang untuk ULM, kapal layar, peluncur tangan, parasail, payung terjun, belon udara panas dan yang seumpamanya atau menyertai dalam mana-mana penerbangan udara selain daripada yang dinyatakan sebelumnya.
- (3) Syarikat tidak akan bayar untuk kos perbelanjaan:-
- (a) rawatan perubatan yang dicas di Malaysia kecuali seperti yang

- disenaraikan di dalam Perbelanjaan Perubatan di atas
- (b) keadaan sedia ada
- (c) kehamilan dan kesan-kesannya
- (d) ketidak stabilan mental dan emosi
- (e) penyakit berjangkit melalui hubungan seks ,AIDS, jangkitan HIV dan jangkitan yang berkaitan dengan AIDS
- (f) pembedahan kosmetik, selain pembedahan pembinaan semula untuk kecederaan yang diakibatkan oleh Kemalangan yang Dilindungi
- (g) rawatan lanjut untuk rawatan alternatif atau rawatan lain akibat daripada kemalangan atau penyakit, rawatan "psychoanalytical", tinggal di rumah rehat, "physiotherapy" dan "detoxification".
- (h) penjagaan mata, cermin mata, kanta lekap, alat bantuan pendengaran dan penjagaan dan pendakap gigi, kecuali ianya adalah kesan langsung akibat kecederaan yang telah pulih, dan menyebabkan harus digunakan untuk perubatan;
- (i) penjagaan yang diberikan oleh seorang kiropraktor, osteopati, pakar herba, pakar akupunktur, atau mana-mana pengamal perubatan alternatif lain
- (j) pemeriksaan kesihatan yang bukan kecemasan
- (k) vaksinasi dan komplikasinya.

SEKSYEN 4 – PERLINDUNGAN LIABILITI PERIBADI

Syarikat bersetuju untuk membayar ganti rugi kepada Orang yang Diinsuranskan terhadap Liabiliti Peribadi untuk kerosakan dan apa-apa kos dan perbelanjaan tuntutan sehingga had maksima seperti yang tertera di dalam bahagian Liabiliti Peribadi di dalam Ringkasan Jadual Manfaat jika berlaku tuntutan terhadapnya bagi:-

- (a) kemalangan yang mengakibatkan kecederaan anggota badan kepada orang lain
- (b) kemalangan yang mengakibatkan kerosakan terhadap harta benda

yang berlaku semasa Perjalanan. Dengan syarat jumlah had agregat untuk liabiliti Syarikat bagi kesemua tuntutan di bawah seksyen ini untuk kerosakan dan/atau kos dan perbelanjaan yang terkumpul bersama dengan persetujuan bertulis pihak Syarikat bagi mempertahankan atau menjelaskan sebarang tuntutan tidak melebihi had maksima seperti yang tercatat di bahagian Liabiliti Peribadi di dalam Ringkasan Jadual Manfaat.

Pengecualian Khas untuk Seksyen 4 – Perlindungan Liabiliti Peribadi

Syarikat tidak bertanggungjawab untuk liabiliti yang berkaitan dengan seperti yang tercatat di bawah:-

- (1) mana-mana kerosakan perbuatan salah yang dilakukan dengan sengaja oleh Orang yang Diinsuranskan
- (2) tindakan ganas dan melanggar undang-undang dengan niat oleh Orang yang Diinsuranskan
- (3) kehilangan yang tidak boleh dinilai dengan mata wang
- (4) kemalangan yang mengakibatkan kerugian atau kerosakan bagi harta benda yang dimiliki, diamanahkan untuk menjaga atau berada di bawah jagaan atau kawalan Orang yang Diinsuranskan atau mana-mana pekerjaanya atau mana-mana ahli keluarganya atau seisi rumah.
- (5) yang timbul dari mana-mana bisnes, jual-beli atau pekerjaan
- (6) yang timbul daripada persetujuan melainkan liabiliti akan timbul jika tiadanya persetujuan tersebut;
- (7) kecederaan anggota badan atau penyakit yang dialami oleh seseorang yang berada di bawah kontrak pekerjaan, khidmat atau perintisan Orang yang Diinsuranskan apabila kecederaan atau penyakit tersebut terjadi semasa sedang bekerja dengan Orang yang Diinsuranskan.
- (8) yang terjadi akibat penggunaan, mempunyai hak milik atau memiliki senjata api, kenderaan di udara, darat dan laut, kenderaan yang digerakkan secara mekanikal, lif, haiwan daripada spesies yang merbahaya atau apa-apa jenis ternakan;
- (9) kerosakan yang disebabkan oleh atau kerosakan terhadap bangunan atau sebahagian daripada bangunan yang

- (10) dimiliki, disewa atau didiami oleh Orang yang Diinsuranskan;
 - (11) tuntutan yang timbul kerana Orang yang Diinsuranskan tidak siaman atau di bawah pengaruh atau kesan daripada dadah (selain dari dadah yang dipreskripsi oleh Doktor yang berlesen) alkohol yang memabukkan atau cecair yang melarutkan
- (11) penglibatan Orang yang Diinsuranskan di dalam mana-mana perang sivil atau asing, sabotaj, rusuhan, demonstrasi awam, tunjuk perasaan dan mogok

Syarat Khas untuk Seksyen 4 – Perlindungan Liabiliti Peribadi

Apabila berlakunya apa-apa kejadian yang menyebabkan tuntutan dibuat di bawah Seksyen ini, Orang yang Diinsuranskan akan dalam masa Tiga Puluh (30) hari dari tarikh berlakunya kejadian tersebut dengan memberi notis bertulis dengan maklumat penuh kepada Syarikat. Setiap surat tuntutan, surat saman atau proses tuntutan akan dikepilkan bersama untuk diberikan kepada Syarikat oleh Orang yang Diinsuranskan. Tiada pengakuan tawaran, perjanjian untuk pembayaran tuntutan atau ganti rugi boleh diberikan oleh atau bagi pihak Orang yang Diinsuranskan tanpa bersetujuan daripada Syarikat yang diberikan hak untuk mengambil alih bagi pihak Orang yang Diinsuranskan terhadap sebarang tuntutan atau perbicaraan di atas nama Orang yang Diinsuranskan untuk kebaikan setiap tuntutan dan memiliki hak penuh untuk menentukan kaedah penyelesaian mana-mana tuntutan. Orang yang Diinsuranskan akan memberi sepenuh bantuan yang diperlukan oleh Syarikat.

Pengecualian Am bagi semua Seksyen

Insurans ini tidak melindungi:-

- (1) pembayaran yang akan menyebabkan perlanggaran undang-undang kerajaan
- (2) kematian atau kecederaan anggota badan yang disebabkan secara langsung ataupun tidak oleh peperangan, pencerobohan, tindakan musuh luar, permusuhan atau operasi seakan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), pemberontakan, perang saudara, penentangan, revolusi, bangkitan kuasa, konspirasi, tindakan ketenteraan ataupun rampasan kuasa, undang-undang ketenteraan atau penawanan negeri, penyitaan, kuarantin atau peraturan kastam atau pemilikan negara oleh atau di bawah arahan mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan.
- (3) Kelewatan, serangan, rampasan, pembinasaan, tuntutan, penahanan atau tahanan oleh kastam atau mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan
- (4) melanggar atau cubaan melanggar mana-mana undang-undang atau melawan penangkapan oleh pihak berkuasa yang berkenaan
- (5) Orang yang Diinsuranskan berumur di bawah 9 hari atau melebihi 75 tahun (dikira dari tarikh terakhir hari lahir semasa tarikh insurans dibeli)
- (6) ahli-ahli anggota bersenjata yang sedang bertugas atau mengambil bahagian dalam perkhidmatan tentera laut, tentera darat, tentera udara atau mengambil bahagian dalam operasi pertahanan yang dirancang atau dikelola oleh pihak awam atau pihak berkuasa tentera untuk menentang penjahat, pengganas atau unsur-unsur yang lain
- (7) semasa penerbangan kecuali penumpang berbayar di dalam mana-mana pesawat persendirian berlesen dan/atau pesawat komersial yang dikendalikan oleh AirAsia X
- (8) apa-apa kecederaan fizikal atau hilang upaya serius yang berpunca secara langsung atau tidak, disumbangkan oleh atau dipercepatkan dengan penggunaan, pembebasan atau perlepasan bahan-bahan nuklear yang secara langsung atau tidak menyebabkan kesan tindakan nuklear atau radioaktif; atau penyebaran atau penggunaan patologi atau keracunan biologi atau bahan-bahan kimia atau perlepasan bahan patologi atau keracunan biologi atau bahan-bahan kimia. Untuk tujuan pengecualian ini, kecederaan fizikal serius bermaksud kecederaan fizikal yang melibatkan risiko kematian dan/atau berlarutan, kecacatan fizikal yang nyata dan/atau berlarutan atau kerosakan fungsi anggota badan atau organ.
- (9) Keadaan Sedia Ada
- (10) bunuh diri, cubaan untuk membunuh diri atau mana-mana niat untuk mencederakan diri sendiri yang dilakukan oleh Orang yang Diinsuranskan sama ada dia waras atau tidak waras
- (11) rawatan untuk ketagihan alkohol atau dadah atau komplikasi kemalagan yang terjadi di bawah pengaruh apa juga jenis dadah;
- (12) kehamilan, keguguran atau kelahiran anak, atau apa-apa rawatan berkaitan dengan pencegahan kehamilan atau rawatan yang berkaitan dengan kesuburan atau lain-lain kesulitan yang berpunca daripadanya
- (13) psikosis, gangguan mental atau ketidakstabilan jiwa atau gangguan tidur
- (14) pembedahan kosmetik atau plastik atau apa-apa pembedahan elektif
- (15) apa-apa kecacatan sejak lahir di mana telah dapat dilihat dengan jelas dan telah didiagnosis sebelum tarikh polisi berkuat kuasa
- (16) apa-apa cara penjagaan atau pembedahan gigi melainkan yang diperlukan akibat kecederaan yang

Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com



- disebabkan oleh kemalangan yang dilindungi di bawah Polisi untuk gigi asal dan sihat
- (17) pemeriksaan kesihatan biasa, mana-mana penyiasatan perubatan yang secara tidak langsung berkaitan dengan diagnosis kemasukan hospital, kesakitan atau kecederaan atau apa-apa rawatan berkaitan
- (18) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau apa-apa komplikasi yang berkaitan dengan jangkitan apa-apa Human Immuno-deficiency Virus (HIV) (untuk tujuan Polisi ini, definisi untuk AIDS hendaklah sebagaimana yang digunakan oleh Organisasi Kesihatan Sedunia pada 1987, atau apa-apa semakan selepas itu oleh Organisasi Kesihatan Sedunia untuk definisi tersebut; jangkitan hendaklah dianggap terjadi apabila darah atau ujian-ujian yang berkaitan yang dicadangkan oleh Syarikat menunjukkan sama ada wujudnya Human Immune Deficiency Virus atau antibodi untuk virus sedemikian.)
- (19) apa-apa kecederaan yang dialami semasa menjalankan tugas sebagai anak kapal untuk mana-mana pesawat kecuali sebagai penumpang berbayar di dalam mana-mana pesawat yang mempunyai sijil udara yang sah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di negara ianya didaftarkan
- (20) memandu atau menunggang di dalam apa-apa perlumbaan yang melibatkan kenderaan bermotor
- (21) Orang yang Diinsuranskan tiba lewat di lapangan terbang Penerbangan yang Dijadualkan selepas masa pendaftaran rasmi
- (22) kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk mengambil langkah berjaga-jaga demi melindungi, menyelamatkan, atau mendapatkan semula bagasi yang hilang
- (23) kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk memberitahu pihak syarikat penerbangan tentang kehilangan bagasi pada destinasi yang dijadualkan dan untuk memperolehi laporan luar biasa
- (24) pihak syarikat tidak akan memberi perlindungan untuk mana-mana kerugian, kecederaan, kerosakan atau liabiliti guaman disebabkan atau dialami secara langsung atau tidak dari perjalanan ke atau melalui Afghanistan, Cuba, Democratic Republic of Congo, Iran, Iraq, Liberia, Sudan atau Syria
- (25) terlibat, berlatih atau menyertai sukan secara profesional atau apabila Orang yang Diinsuranskan boleh menjana pendapatan atau hadiah melalui penglibatan dalam sukan sedemikian
- (26) penyiasatan perubatan, pemulihan, penjagaan atau penjagaan ketika pemulihan yang tidak diperlukan
- (27) mana-mana kerugian, kecederaan, kerosakan atau liabiliti guaman disebabkan atau dialami secara langsung atau tidak oleh Orang yang Diinsuranskan jika dia adalah seorang:-
(a) pengganas
(b) anggota pertubuhan pengganas
(c) pembekal nuklear, kimia atau senjata biologi
(d) pengedar narkotik
- (28) Mana-mana kerugian yang terjadi secara langsung atau tidak (secara keseluruhan atau sebahagiannya) daripada :
(a) pandemik
(b) wabak penyakit

Terma dan Syarat untuk Keseluruhan Polisi

- (1) Keseluruhan Kontrak Sijil Insurans ini mengandungi terma dan syarat untuk perlindungan insurans dan manfaat yang disediakan dengan ini sentiasa tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Induk.
- (2) Mematuhi terma dan syarat Insurans Syarikat hanya akan membayar tuntutan yang dibuat ke atas Polisi ini jika Orang yang Diinsuranskan

- mematuhi segala terma dan syarat seperti yang terdapat di dalam Sijil Insurans.
- (3) Salah Nyata dalam Permohonan Manfaat tidak akan dibayar dan Polisi ini akan dianggap terbatal pada pilihan Syarikat jika
- (a) kegagalan untuk memberitahu atau salah nyata dalam mana-mana fakta yang berkaitan dengan Orang yang Diinsuranskan yang perlu diketahui untuk penyediaan insurans di bawah ini yang perlu untuk dinyatakan sebagai bukti boleh insurans
- (b) sekiranya terdapat kes penipuan
- (4) Perubahan Syarikat berhak untuk meminda terma dan peruntukan Polisi dan pada bila-bila masa dengan persetujuan bertulis di antara Syarikat dan AirAsia X. Apa-apa pindaan kepada Polisi hendaklah mengikat ke atas semua orang sama ada diinsuranskan dibawah Polisi sebelum, semasa, atau selepas tarikh permindaan berkuat kuasa. Tiada perubahan yang sah di dalam Polisi selain diluluskan oleh wakil-wakil yang diberikuasa oleh Syarikat dan kelulusan sedemikian diendors di dalam perjanjian ini.
- (5) Matawang Bayaran Bayaran untuk apa-apa tuntutan yang dilindungi di bawah Polisi ini hendaklah dibuat dalam matawang Ringgit Malaysia atau mana-mana matawang lain yang sama nilainya dengan kadar pertukaran yang lazim seperti yang diisytiharkan oleh Bank Negara pada masa bayaran berkuat kuasa sekiranya diperlukan oleh Orang yang Diinsuranskan atau wakil dirinya yang sah adalah dibenarkan.
- (6) Had Pampasan Had Pampasan adalah menurut Jadual Manfaat
- (7) Umur Semua umur yang dirujuk di dalam Polisi ini adalah umur Orang yang Diinsuranskan pada hari lahir terakhirnya
- (8) Negara Menetap Perlindungan yang diberikan kepada Orang yang Diinsuranskan adalah tertakluk kepada mereka yang menetap di Malaysia atau untuk bukan penduduk, ke atas perjalanan melalui Malaysia atau transit melalui lapangan terbang Malaysia
- (9) Notis dan Langkah-langkah Tuntutan
- (a) Apabila berlakunya sesuatu kejadian yang membawa kepada tuntutan, Orang yang Diinsuranskan hendaklah:-
- (i) memberitahu Syarikat secara bertulis secepat mungkin dengan mengisi borang tuntutan seperti yang disediakan oleh Syarikat tetapi tidak boleh melebihi dari 30 hari daripada tarikh kejadian yang menyebabkan tuntutan
- (ii) menyediakan untuk Syarikat bukti-bukti yang relevan, tidak hanya informasi, butir-butir, akuan, resit asal, invoice, pernyataan daripada Orang yang Diinsuranskan, repot dan lain-lain dokumen yang diperlukan oleh Syarikat, dengan kos sendiri.
- (iii) Menyediakan dokumen yang diperlukan dalam masa yang secepat mungkin untuk pemeriksaan Syarikat dan bekerjasama dengan Syarikat dalam semua hal yang berkaitan dengan kehilangan dan tuntutan. Kegagalan untuk memenuhi syarat ini boleh menyebabkan syak dalam tuntutan
- (b) Informasi dan dokumen yang berikut perlu diberikan kepada Syarikat dalam apa juga keadaan jika berlaku tuntutan :-
- (i) salinan rekod dan/atau borang cas yang berkaitan sebagai bukti pembelian Tiket Penerbangan yang telah Dijadualkan, telah dicas ke dalam akuan kad kredit Orang yang Diinsuranskan
- (ii) laporan luar biasa untuk harta daripada AirAsia X jika kehilangan bagasi, termasuk butir-butir Penerbangan yang

- telah Dijadualkan dan/atau maklumat bertulis dan pengesahan untuk penangguhan dan jumlah kehilangan
- (c) Segala langkah-langkah yang perlu telah diambil oleh Orang yang Dilindungi bagi melindungi dan mendapatkan semula bagasi yang hilang dan/atau barangan peribadi. Apa-apa penangguhan dan/atau kegagalan penghantaran bagasi akan segera dilaporkan kepada mana-mana wakil AirAsia Berhad yang diberi kuasa untuk menerima laporan tersebut.
- (10) **Bukti Kehilangan/Kerugian**
Bukti bertulis untuk kerugian perlulah diberikan kepada Syarikat di pejabat yang dinyatakan dalam masa 90 hari selepas tarikh kehilangan/kerugian. Sekiranya mustahil untuk menyediakan bukti-bukti tersebut di dalam jangka masa yang ditetapkan, kegagalan untuk menyediakan bukti sedemikian dalam masa yang diperuntukan tidak akan menyebabkan tuntutan tidak sah atau mengurangkan nilai tuntutan tetapi bukti-bukti tersebut haruslah diberikan kepada Syarikat secepat mungkin dan tiada kejadian, melainkan ketika tiada keupayaan guaman, melebihi dari satu tahun untuk menyediakan bukti-bukti tersebut.
- (11) **Kesan daripada Penipuan**
Apa-apa penipuan, salah nyata atau penyembunyian yang berkaitan dengan insurans ini atau apa-apa tuntutan di bawah ini akan menyebabkan perlindungan insurans dan manfaat-manfaat yang disediakan terbatal dan tidak sah.
- (12) **Pemeriksaan Perubatan**
Syarikat, dengan perbelanjaan sendiri hendaklah mempunyai hak untuk meminta bukti tambahan dan meminta pemeriksaan perubatan ke atas Orang yang Diinsuranskan pada bila-bila masa dan dengan sekerap mungkin yang diperlukan semasa tempoh menunggu keputusan tuntutan dan untuk menjalankan pemeriksaan mayat sekiranya berlaku kematian
- asalkan ianya tidak melanggar undang-undang.
- (13) **Kepada Siapa Tuntutan Dibayar**
Pembayaran tuntutan untuk kehilangan nyawa Orang yang Diinsuranskan akan dibayar kepada penama (penama-panama) yang dipilih oleh Orang yang Diinsuranskan dan jika tiada penamaan dibuat, penerima yang sah adalah seperti yang ditentukan di bawah Akta Probet dan Pentadbiran Malaysia (untuk orang asing, bayaran sedemikian akan dibayar berdasarkan Undang-undang Probet negara asal Orang yang Diinsuranskan). Ganti rugi untuk semua manfaat akan dibayar kepada Orang yang Diinsuranskan atau estetnya selepas kematian. Proses untuk tuntutan termasuklah penyelesaian yang dikendalikan secara terus di antara Syarikat, Orang yang Diinsuranskan dan mungkin estetnya, satu-satunya pelepasan akan dianggap sebagai pelepasan penuh dan muktamad untuk tuntutan yang dilaporkan.
- (14) **Klaus Sambungan**
Syarikat tidak bertanggungjawab untuk membuat apa-apa bayaran atau menanggung liabiliti untuk perlindungan sambungan bagi Polisi ini atau membuat pembayaran di bawah kehilangan dan tuntutan yang disebabkan atau dimana Orang yang Diinsuranskan atau penerima yang dilindungi di bawah Polisi ini adalah warganegara atau sebahagian daripada kerajaan atau mana-mana negara yang tidak mengiktiraf undang-undang atau syarat-syarat yang terkandung di dalam Polisi atau Syarikat ini, Syarikat Induknya atau entiti pengawalan utamanya yang telah menubuhkan halangan atau apa-apa bentuk halangan ekonomi dimana terdapat kesan yang menghalang Syarikat untuk memberikan perlindungan insurans, membuat hubungan bisnes dengannya atau menawarkan manfaat ekonomi kepada Orang yang Diinsuranskan atau mana-mana penerima dibawah Polisi ini. Ia juga difahami dan dipersetujui bahawa tiada manfaat atau pembayaran yang

- akan dibuat kepada mana-mana penama (penama-penama) yang diisytiharkan tidak boleh menerima manfaat ekonomi dibawah undang-undang dan syarat-syarat yang tertakluk di bawah Polisi dan Syarikat ini, Syarikat Induk dan entiti pengawal utamanya.
- (15) Resit
Syarikat tidak akan mengikut mana-mana notis atau apa-apa tuduhan pecah amanah, lien, tugas atau urusan lain dengan Sijil Insurans, Penerimaan oleh Orang yang Diinsuranskan untuk apa-apa pampasan yang dibayar dengan ini hendaklah dalam semua kes melepaskan Syarikat daripada liabilitinya.
- (16) Hak Penama
Persetujuan panama tidak akan menjadi pra-syarat untuk menamatkan atau membatalkan Polisi atau untuk pertukaran penama atau untuk tujuan itu untuk apa-apa perubahan di dalam Polisi.
- (17) Hak Pemilikan
Polisi ini adalah milik AirAsia X.
- (18) Proses Undang-undang
Tindakan undang-undang atau dalam ekuiti tidak akan diambil sama sekali selepas setahun dari tarikh berlakunya kejadian yang dilindungi.
- (19) Fasal Timbang Tara
Apa-apa percanggahan yang terjadi di antara Syarikat dan Orang yang Diinsuranskan dan/atau wakil-wakil yang sah yang berkaitan dengan Polisi atau hak-hak dan tanggungan oleh pihak (pihak-pihak) berkaitan akan dirujuk kepada penimbangtara. Timbangtara akan dilakukan oleh mana-mana seorang penimbangtara yang dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat dalam masa 14 hari dari tarikh bermulanya timbangtara. Jika ini tidak dapat dipenuhi, seorang penimbangtara yang bersesuaian akan dilantik dan tertakluk kepada Akta Timbangtara Malaysia atau mana-mana ubahsuai berkanun atau pembuatan semula dalam tempoh ia berkuat kuasa.
- (20) Had Masa untuk membawa Timbangtara
Sekiranya tuntutan dibuat di bawah Polisi ini ditolak oleh Syarikat, Orang yang Diinsuranskan atau wakil dirinya yang sah akan memulakan prosedur timbangtara dalam masa 6 bulan selepas penolakan tersebut, dan sekiranya gagal berbuat demikian, Syarikat akan dibebaskan daripada semua liabiliti daripada tuntutan tersebut.
- (21) Pembatalan
Sebaik sahaja Sijil Insurans dikeluarkan, ianya tidak boleh dibatalkan.
- (22) Mematuhi Undang-undang
Mana-mana syarat yang tertakluk di dalam Polisi ini yang pada tarikh ia dikeluarkan adalah bercanggah dengan undang-undang negara di mana Sijil Insurans telah dikeluarkan dan dihantar, Polisi ini akan mengikut undang-undang Malaysia.
- (23) Tanggungjawab yang Ditanggung oleh Tune Insurance Malaysia Berhad
Apa-apa isu, hal atau tuntutan yang berkaitan dengan Sijil Insurans ini secara penuh atau separa adalah sepenuhnya tanggungjawab Tune Insurance Malaysia Berhad, dan tidak akan dalam apa-apa hal pun melibatkan AirAsia Berhad.
- (24) Bahasa yang Digunakan
Jika terdapat apa-apa percanggahan atau maklumat yang tidak konsisten di dalam dokumen dan kandungan bagi versi yang diterbitkan dalam bahasa lain, kandungan yang akan diambil kira adalah dari dalam dokumen yang diterbitkan dalam Bahasa Inggeris.
- (25) Perlanjutan Tempoh Perlindungan sehingga had maksima selama 3 hari (hanya untuk penerbangan dua hala)
Tempoh lanjutan ini melindungi mana-mana Orang yang Diinsuranskan yang jadual perjalanannya tidak mengikut waktu asal seperti yang dijadualkan disebabkan oleh penyusunan semula



jadual penerbangan oleh AirAsia. Tune Insurance Malaysia Berhad akan menerima tuntutan di dalam situasi ini.

- (26) Perlindungan yang Serupa
Jika berlakunya kejadian di mana Orang yang Diinsuranskan dilindungi oleh lebih dari satu polisi yang dibeli melalui AirAsia Berhad dan/atau Syarikat Bersekutunya, manfaat akan dibayar berdasarkan jumlah manfaat yang terbesar. Jika jumlah manfaat adalah sama, Syarikat akan hanya melayan tuntutan yang dibuat oleh Orang yang Diinsuranskan di bawah perlindungan Polisi yang diisukan terlebih dahulu.
- (27) Pembatalan Penerbangan oleh AirAsia / Orang yang Diinsuranskan
- (a) Polisi Insurans Perjalanan akan luput jika Orang yang Diinsuranskan memilih Kredit Shell. Walaubagaimanapun premium akan dipulangkan sebagai kredit untuk Orang yang Diinsuranskan membeli tiket penerbangan AirAsia yang baru.
 - (c) Polisi Insurans Perjalanan akan luput jika Orang yang Diinsuranskan memilih Pengembalian Wang. Premium akan dipulangkan bersama dengan jumlah keseluruhan yang diterima daripada AirAsia.



Keterangan dan Kenyataan Polisi

1. Di bawah rangka berwaspada Kawalan Korporat, pihak-pihak berikut boleh dihubungi untuk sesiapa yang ingin membuat aduan:-

Ketua Pegawai Eksekutif
Tune Insurance Malaysia Berhad
Level 9, PNB Damansara,
No.19, Lorong Dungun,
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

Tel: 03-2087 9000
Fax: 03-2094 1366

Mana-mana pemegang Polisi yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Syarikat Insurans boleh menulis surat kepada Pengantara, memberi maklumat yang tidak dipersetujui, nama Syarikat Insurans dan nombor Polisi. Salinan surat antara pemegang Polisi dan pihak syarikat insurans perlu diserahkan untuk memudahkan pengurusan hal tersebut.

Biro Pengantaraan Kewangan
Tingkat 25, Dataran Kewangan Darul Takaful,
No. 4 Jalan Sultan Sulaiman,
5000 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2272 2811
Fax : 03-2274 5752

Mana-mana pemegang Polisi yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Syarikat Insurans boleh menulis surat kepada Biro Tindakan Komplek PIAM, memberi maklumat yang tidak dipersetujui, nama Syarikat Insurans dan nombor Polisi atau nombor Tuntutan, bersama-sama dengan lain-lain dokumen yang berkaitan.

Biro Tindakan Komplek PIAM
Tingkat 3, Wisma PIAM,
150, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur.

Tel : 03-2274 7395/9
Fax : 03-2274 5910

2. Bersandarkan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, sebarang "Transaksi yang Mencurigakan" seperti yang termaktub di bawah undang-undang hendaklah dilaporkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan di Bank Negara Malaysia.

3. CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN ('GST')

Dimaklumkan bahawa Cukai Barangan dan Perkhidmatan ('GST') akan dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia pada 1 April 2015 pada kadar enam (6) peratus.

Tune Insurance Malaysia Berhad berhak memungut sejumlah amaun bayaran GST yang berpatutan keatas premium yang ditetapkan semasa tempoh polisi, atau sekiranya tempoh polisi bermula sebelum dan berakhir selepas 1 April 2015, memungut daripada pemegang polisi amaun GST keatas premium yang dikira secara pro-rata mulai 1 April 2015.

Kewajipan pembayaran GST hendaklah tertakluk kepada Terma dan Syarat di dalam polisi insurans.

Tune Insurance Malaysia Berhad (30686-K)

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur
Office: +603 2087 9000 Fax: +603 2094 1366 Website: tuneinsurance.com